


## JPNP terima 101 permohonan geran penyelidikan, pendidikan

Oleh **Mohd Rafi Mamat** - September 10, 2023 @ 10:46am  
[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)



Taman Eko Rimba Lubuk Yu.

KUANTAN: Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) menerima sebanyak 101 permohonan daripada Institusi Pengajian Tinggi (IPT) tempatan bagi mendapatkan geran penyelidikan dan pendidikan perhutanan antara RM10,000 hingga RM15,000 yang disediakan agensi terbabit.

Pengarahnya, Datuk Dr Mohd Hizamri Mohd Yasin, berkata permohonan turut diterima daripada agensi penyelidikan berpengalaman dalam pelbagai bidang kajian berkaitan perhutanan dan biodiversiti di negara ini.

Menurutnya, agensi yang layak menerima geran terbabit akan melakukan penyelidikan di Taman Eko Rimba (TER) Lubuk Yu, Maran dan Taman Negeri Rompin (TNR) yang kini semakin terkenal dalam kalangan pelancong tempatan dan luar negara.

Beliau berkata, pihak yang menerima geran terbabit akan menjalankan kajian dalam kepakaran masing-masing dengan kluster kajian ditawarkan adalah inventori flora, inventori fauna, kajian persekitaran fizikal (kualiti air, udara, geologi, perubahan iklim dan sebagainya, kajian ekopelancongan serta sosioekonomi.

"Geran penyelidikan disediakan merupakan inisiatif julung kali disediakan JPNN dalam usaha memajukan TER Lubuk Yu dan Taman Negeri Rompin, kemudahan berkenaan tidak pernah disediakan oleh agensi lain dalam memajukan sektor pelancongan di negeri ini.

"Geran berkenaan disediakan di bawah Kumpulan Wang Pembangunan Hutan (KWPH) dan kita ingin menjadikan Pahang bukan sahaja sebagai destinasi eko pelancongan utama (flagship ecotourism destination) tetapi turut sebagai hub penyelidikan, pendidikan dan pemuliharaan kepelbagaian biologi hutan yang unggul," katanya, dalam kenyataan hari ini.

Beliau berkata, minggu lalu pihaknya mengadakan Seminar Ekspedisi Saintifik Kepelbagaian Biologi Hutan Ulu Cheka, Jerantut dan Majlis Meraikan Pengekalan Man and Biosphere (MAB) UNESCO Tasik Chini, Pekan.

Katanya, sebelum ini seramai 10 penyelidik telah mendapat geran penyelidikan dan lima penyelidik membentangkan hasil kajian pada Seminar Geran Penyelidikan yang telah dianjurkan pada 16 Mac lalu.

Lima penyelidik lagi masih menjalankan kajian di lapangan dan ia dijangka siap pada akhir tahun.

Mohd Hizamri berkata, kali ini JPNN akan menyediakan 15 geran penyelidik untuk TER Lubuk Yu dan Taman Negeri Rompin. Jabatan kini menguruskan 26 TER dan tiga Hutan Taman Negeri.

"Tujuan penubuhan kawasan ekopelancongan ialah bagi melindungi, memelihara dan mengurus alam semula jadi secara berkekalan.

"Terdapat kawasan ekopelancongan yang mempunyai aset berkepentingan dari segi kaji bumi, kaji purba, sejarah, etnobotani dan sains dalam memajukan pendidikan, kesihatan, nilai estetik dan rekreasi," katanya.